

## KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 1

Nama : \_\_\_\_\_

Darjah : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Masa: 1 jam 40 min

| Markah |
|--------|
| 90     |

### BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

*Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.*

- |                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Tahukah kamu bagaimana orang Eskimo bersalam? Mereka bertenggeh hidung. Mereka (1) _____ demikian apabila mereka (2) _____, berpisah ataupun (3) _____ dengan tetamu.</p> <p>Cara mereka (4) _____ salam ini sungguh asing bagi kita di sini. Kita mungkin</p> | <p>1. (1) berbuat<br/>(2) buatan<br/>(3) membuat<br/>(4) terbuat (    )</p> <p>2. (1) bertemu<br/>(2) ditemui<br/>(3) menemui<br/>(4) pertemuan (    )</p> <p>3. (1) berkenalan<br/>(2) diperkenalkan<br/>(3) mengenali<br/>(4) perkenalan (    )</p> <p>4. (1) diberikan<br/>(2) memberi<br/>(3) pemberi<br/>(4) pemberian (    )</p> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

(5)\_\_\_\_\_ kurang selesa jika

(6)\_\_\_\_\_ bertenggeh hidung.

Bagaimana jika anda (7)\_\_\_\_\_

kepada seorang Eskimo? Anda tentu

(8)\_\_\_\_\_ jika dia hendak bertenggeh

hidung dengan anda.

Kalau berasa kurang selesa, anda boleh  
menolak (9)\_\_\_\_\_ itu dengan baik.

Hulurkan tangan anda sebelum dia sempat  
minta ditenggeh. Jika dia masih juga hendak

bertenggeh hidung, (10)\_\_\_\_\_ dengan

mesra. Kita harus menghormati amalan dan  
budaya kaum lain.

5. (1) berasa  
(2) dirasa  
(3) dirasai  
(4) merasa ( )

6. (1) disuruh  
(2) menguruh  
(3) pesuruh  
(4) suruhan ( )

7. (1) berkenalan  
(2) diperkenalkan  
(3) mengenal  
(4) mengenalkan ( )

8. (1) dikejutkan  
(2) kejutan  
(3) mengejut  
(4) terkejut ( )

9. (1) melawaan  
(2) memperlawakan  
(3) pelawaan  
(4) lawaan ( )

10. (1) disambut  
(2) menyambut  
(3) sambutlah  
(4) sambutan ( )

**BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)**

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Syam seorang murid yang (11) bijaksana dalam mata pelajaran Sains. Dia menuntut di Sekolah Rendah Townsville yang terletak berdekatan dengan rumahnya. Di sekolah, Syam (12) suka membantu rakan-rakannya yang lemah dalam mata pelajaran Sains. Mereka akan sama-sama mengulangkaji pelajaran selepas waktu sekolah.

Di rumah, Syam mempunyai dua orang adik perempuan. Jika adik-adiknya bertengkar sesama sendiri, Syam akan menjadi (13) orang tengah. Dia tidak akan bersikap (14) berat sebelah dalam menangani pertengkaran adik-adiknya. Syam juga selalu membantu adik-adiknya dalam pelajaran

11. (1) putih hati  
(2) lurus akal  
(3) tahan hati  
(4) panjang akal ( )
12. (1) ringan mulut  
(2) lepas tangan  
(3) ringan tulang  
(4) perah tenaga ( )
13. (1) pendiam antara dua pihak  
(2) penjahat antara dua pihak  
(3) pendamai antara dua pihak  
(4) penghasut antara dua pihak ( )
14. (1) malu  
(2) tidak adil  
(3) berbangga  
(4) berkebolehan ( )

sekolah dan menolong ibunya membuat kerja rumah. Kedua ibu bapanya (15) berbesar hati mempunyai anak seperti Syam yang bukan sahaja pintar tetapi rajin menolong dan baik hati.

15. (1) perasaan bangga  
(2) perasaan kasihan  
(3) perasaan bongkak  
(4) perasaan sombong

( )

### BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

*Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.*

Kanak-kanak sering mengalami kemalangan di rumah akibat terjatuh.

16. (1) dan  
(2) dari  
(3) antara  
(4) hingga

( )

Kanak-kanak berumur satu (16) \_\_\_\_\_

17. (1) tempat  
(2) situasi  
(3) kawasan  
(4) keadaan

( )

empat tahun lebih cenderung untuk cedera

kerana terjatuh. Mereka berisiko disebabkan

tahap perkembangan dan (17) \_\_\_\_\_

persekitaran mereka. Kemalangan seumpama

ini boleh berlaku di mana sahaja.

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                             |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Kanak-kanak boleh mengalami pelbagai</p> <p>(18)_____kecederaan seperti tercalar, terseliuh, patah anggota badan, bengkak kepala dan kecederaan pada organ dalaman apabila terjatuh. Bergantung kepada jenis dan tahap kecederaan, jika kanak-kanak itu</p> <p>(19)_____kecederaan ringan, misalnya tercalar atau terseliuh, tekap bahagian yang cedera dengan air batu. Jika kanak-kanak itu terluka, cuci luka itu dengan air bersih, kemudian sapukan ubat antiseptik atau ubat luka pada bahagian yang tercedera.</p> <p>(20)_____plaster untuk menutup luka tersebut. Jika disyaki tulang kanak-kanak itu patah, balutkan bahagian yang tercedera dengan selimut, kain yang tebal atau bantal untuk menghalang pergerakan.</p> | <p>18. (1) jenis<br/>(2) bentuk<br/>(3) cara<br/>(4) variasi ( )</p> <p>19. (1) mengenai<br/>(2) mengalami<br/>(3) mempunyai<br/>(4) menghadapi ( )</p> <p>20. (1) Tampalkan<br/>(2) Balutkan<br/>(3) Tanggalkan<br/>(4) Bungkuskan ( )</p> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

**BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)**

*Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.*

Rafi masih teringat akan peristiwa yang berlaku sebulan yang lalu. Dia berasa syukur akan persahabatannya dengan Manaf yang masih kekal sehingga hari ini.

"Saya tidak lagi mahu berkawan dengan awak, Rafi," pekik Manaf sebelum dia berlari keluar dari bilik darjah.

Murid-murid lain tercengang melihatkan apa yang berlaku. Rafi dan Manaf merupakan sahabat yang paling akrab di kelas sehinggakan guru menggelarkan mereka '*bagai isi dengan kuku*'.

Beberapa orang murid menoleh untuk melihat keadaan Rafi yang sememangnya terperanjat dengan kata-kata Manaf. Hadi bangun dari tempat duduknya lalu menghampiri Rafi.

"Sudahlah, Rafi. Biarkan Manaf seketika. Dia sedang **kerisauan**. Awak melakukan perkara yang baik dan saya percaya Manaf pun tahu. Cuma dia tidak dapat berfikir dengan baik buat sementara ini," kata Hadi.

Rafi hanya berdiam diri. Dia tidak berniat buruk apabila dia memberitahu guru darjah mengenai keluarga Manaf yang sedang ditimpa banyak dugaan. Ibunya baru sahaja mengalami kemalangan dan ayahnya telah diberhentikan kerja. Rafi bimbang tentang pelajaran Manaf yang mungkin akan terjejas dengan adanya masalah-masalah itu.

Tujuh hari berlalu. Manaf masih belum lagi berbual walau sepetah perkataan kepada Rafi. Selepas waktu rehat, Rafi ternampak sekeping kertas yang telah digulung di dalam kotak penselnya. Setelah membaca kandungan surat itu, Rafi tersenyum lebar. Dia terus menoleh ke arah Manaf lalu **menganggukkan** kepalanya.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Mengapakah murid-murid lain tercengang melihat gelagat Manaf?
- (1) Manaf dalam kerisauan.
  - (2) Ibu Manaf baru ditimpa kemalangan.
  - (3) Persahabatan Manaf dan Rafi bagai isi dengan kuku.
  - (4) Manaf menjerit yang dia tidak mahu berkawan dengan Rafi lagi.
- (     )
22. Apakah yang Rafi lakukan sehingga Manaf marah?
- (1) Rafi memberitahu Hadi mengenai kesusahan Manaf.
  - (2) Rafi memberitahu Hadi tentang kandungan surat Manaf.
  - (3) Rafi memberitahu guru darjah bagaimana Manaf jeritkannya.
  - (4) Rafi memberitahu guru darjah mengenai keluarga Manaf yang sedang ditimpa banyak dugaan.
- (     )
23. Perkataan **kerisauan** dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_.
- |                 |                 |
|-----------------|-----------------|
| (1) kerajinan   | (2) kemarahan   |
| (3) kegelisahan | (4) kegembiraan |
- (     )
24. Perkataan berlawanan bagi perkataan **menganggukkan** ialah \_\_\_\_\_.
- |                   |                   |
|-------------------|-------------------|
| (1) menolehkan    | (2) menadahkan    |
| (3) menggelengkan | (4) membongkokkan |
- (     )
25. Surat yang Rafi baca adalah daripada \_\_\_\_\_.
- |             |               |
|-------------|---------------|
| (1) Hadi    | (2) Manaf     |
| (3) gurunya | (4) ibu Manaf |
- (     )

**BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)**

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) ingin membeli
- (2) pergi ke tandas
- (3) adik pergi ke mana
- (4) ke kedai itu untuk melihatnya
- (5) buat pengumuman untuk mencari emak adik
- (6) roti dan kek yang hendak dibeli

Mimah: Mengapa adik menangis?

Ain: Adik sedang mencari ibu adik. Tadi ibu adik ada di kedai kek ini.  
Dia sedang memilih (26)\_\_\_\_\_.

Mimah: Jadi, tadi ibu adik berada di sini. Semasa ibu adik sedang memilih  
roti dan kek, (27)\_\_\_\_\_?

Ain: Adik ternampak anak patung yang cantik. Lalu, adik pun pergi  
(28)\_\_\_\_\_.

Mimah: Baiklah, mari ikut kakak. Kita pergi ke kaunter informasi dan  
(29)\_\_\_\_\_.

Ain: Terima kasih kakak.

**BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)**

Teliti brosur yang berikut.

**Royal**  
EJEN PELANCONGAN

**KURSUS HAJI/UMRAH**  
Setiap AHAD,  
Masjid Al-Naudhah,  
Bangunan Utama  
3.00 petang hingga 4.00 petang

**PAKEJ UMRAH**

**Mac (Cuti Sekolah)**

| Keberangkatan            | Jumlah hari | 4 orang sebilik | 3 orang sebilik | 2 orang sebilik |
|--------------------------|-------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 15 Mac                   | 10          | \$2190          | \$2250          | \$2350          |
| 18 Mac                   | 9           | \$2090          | \$2150          | \$2250          |
| 22 Mac<br>(Pakej Maulid) | 9           | \$2090          | \$2290          | \$2290          |

**Pakej Syawal – Hari Raya Di Makkah**

| Keberangkatan | Jumlah hari | 4 orang sebilik | 3 orang sebilik | 2 orang sebilik |
|---------------|-------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| 31 Ogos       | 11          | \$2790          | \$2850          | \$2950          |

Harga pakej tidak termasuk Cukai Airport, War Risk, Fuel Charge & Urusan VISA.  
Aturcara perjalanan, penerbangan dan harga pakej tertakluk pada perubahan.

**HUBUNGILAH KAMI DENGAN SEGERA DI TALIAN: 67384920**

**ALAMAT KAMI:**  
No. 2, Jalan Keledok, Singapore 432789

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Nama ejen pelancongan yang terdapat di brosur tersebut adalah ejen pelancongan \_\_\_\_\_. (2 markah)
- (1) Royal (2) Pakej Umrah  
(3) Jalan Keledok (4) Masjid Al-Naudhah ( )
31. Harga pakej maulid untuk empat orang sebilik ialah \_\_\_\_\_. (2 markah)
- (1) \$2190 (2) \$2090  
(3) \$2290 (4) \$2950 ( )
32. Jemaah-jemaah untuk pakej Syawal akan berangkat pada \_\_\_\_\_. (2 markah)
- (1) 15 Mac (2) 18 Mac  
(3) 22 Mac (4) 31 Ogos ( )
33. Harga pakej tidak termasuk \_\_\_\_\_. (2 markah)
- (1) perjalanan, *fuel charge* dan visa  
(2) perjalanan, penerbangan dan *war risk*  
(3) cukai airport, penerbangan dan *fuel charge*  
(4) cukai airport, *war risk*, *fuel charge* dan visa ( )
34. Ibu saudara kamu, Cik Lina, seorang guru. Beliau ingin mengerjakan umrah. Berikan dua sebab mengapa beliau harus menyertai pakej umrah yang disediakan ejen pelancongan Royal.

Gunakan informasi yang terdapat di dalam brosur ini untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)

Cik Lina, saya rasa pakej umrah ejen pelancongan Royal sesuai untuk Cik Lina. Pejabatnya di Jalan Keledok, berdekatan dengan sekolah Cik Lina.

|  |  |
|--|--|
|  |  |
|  |  |
|  |  |
|  |  |
|  |  |
|  |  |

*Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.*

Suasana di dalam kelas Cikgu Azrina senyap sahaja. Kebanyakan muridnya sedang asyik menulis sementara beberapa orang murid pula sedang duduk termenung memikirkan sesuatu. Mereka harus menyelesaikan karangan yang diberikan oleh guru mereka. Di hadapan bilik darjah, Cikgu Azrina sedang sibuk menyusun semula gambar-gambar yang telah digunakannya dalam pembelajaran karangan tadi.

Tiba-tiba keadaan di dalam kelas Cikgu Azrina menjadi riuh-rendah. Beberapa orang murid perempuan yang duduk di belakang menjerit-jerit seperti orang kehilangan akal. Ada yang berlari ke hadapan bilik darjah, ada yang berdiri di atas kerusi dan ada juga yang hanya mengangkat kedua-dua belah kaki mereka sambil duduk.

Cikgu Azrina terpinga-pinga seketika. Kemudian dia **segera** bertanya kepada Hadi. "Hadi, mengapa mereka **memekik**?" Belum sempat Hadi menjawab, terdengar suara Najib berkata, "Ada anak cicak merayap-rayap di lantai, cikgu."

"Anak cicak pun kamu takut. Kalau kamu takutkan lipan atau kala jengking tidak mengapa juga," kata Cikgu Azrina kepada murid-murid perempuan itu.

"Kami bukan takut cikgu, tetapi kami geli," kata seorang daripada murid perempuan itu.

"San, buanglah anak cicak itu," perintah Cikgu Azrina kepada Hassan. Hassan segera bangun lalu cuba menangkap anak cicak itu. Anak cicak itu pun melarikan diri di celah-celah almari.

*Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.*

35. Mengapakah kelas Cikgu Azrina sunyi senyap? (2 markah)

---

---

36. Apa yang dilakukan Cikgu Azrina sementara murid-muridnya membuat kerja? (2 markah)

---



---

37. Najib tidak sepatutnya menjawab pertanyaan Cikgu Azrina. Berikan **dua** sebab. (4 markah)

---



---

38. Cikgu Azrina menyatakan bahawa lipan atau kala jengking boleh mereka takuti. Berikan **dua** sebab. (4 markah)

---



---

39. Murid-murid perempuan berasa geli dengan cicak. Berikan contoh-contoh bagi menyokong jawapan kamu. (4 markah)

---



---

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

- (i) segera (1 markah)

---

- (ii) memekik (1 markah)

---

- (b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

- (i) keadaan yang bising dan huru-hara - \_\_\_\_\_ (1 markah)

- (ii) tercengang-cengang kehairanan - \_\_\_\_\_ (1 markah)